



PERIKSA: Penduduk Pulau Mabul mendapat pemeriksaan kesihatan dalam program tersebut.

MRA, UMS santuni komuniti Pulau Mabul

Oleh Hamzah Sanudin

UB 17.8.2020 5

SEMPORNA: Malaysian Relief Agency (MRA) Sabah dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) santuni komuniti masyarakat di Pulau Mabul.

Pengerusi MRA Sabah, Mohd Lutfi Hafifi Japili berkata, pihaknya dan UMS mempunyai sebuah pusat komuniti di Pulau Mabul dan telah melaksanakan beberapa program untuk membantu pergerakan pemulihan

masyarakat di pulau berkenaan.

Menurutnya, khidmat bakti kesihatan dan pendidikan itu dilaksanakan secara berkala agar kumpulan minoriti ini tidak tertinggal jauh daripada masyarakat lain.

"Mengambil kira keperluan kepentingan pendidikan, Pusat Komuniti MRA-UMS ini telah memulakan program pendidikan menggunakan modul foniks pintar untuk membantu kumpulan pelajar di Pulau Mabul mendapatkan

intensif khas pendidikan yang lebih mesra dan berkesan dalam tempoh yang pendek," katanya.

Beliau berkata, perkara itu penting untuk memastikan agar keperluan pendidikan dapat dipenuhi pada fasa yang sangat mencabar ini susulan COVID-19.

"Memandangkan Pulau Mabul tidak mempunyai fasiliti kesihatan, kami juga merancang untuk mengadakan bantuan klinik bergerak dengan skala yang

lebih besar pada masa beberapa bulan mendatang.

"Tumpuan akan diberikan kepada masalah kesihatan yang lebih bersasar seperti khidmat untuk ibu dan anak serta kempen kebersihan diri yang lebih meluas," katanya.

Mohd Lutfi berkata, khidmat bakti ini penting agar komuniti Pulau Mabul sentiasa bersiap sedia dan mempunyai ilmu berkaitan COVID-19 dan tahu kesannya pada mereka dalam skop yang lebih besar.